

UMS bekal kepakaran dalam industri minyak dan gas

NST 2-4-2014 2

KOTA KINABALU: Malaysia merupakan pengeluar minyak dan gas kedua terbesar di Asia Tenggara dan sumbangan Sabah dalam industri ini sejak tahun 1970-an menjadi nadi kekuatan ekonomi Malaysia.

Sebanyak RM45 billion telah dilabur bagi membangunkan industri ini di Sabah dan dengan penubuhan loji minyak dan gas di Kimanis, Papar, kadar pengeluaran dan penghasilan bahan ini dapat dipertingkatkan dengan lebih banyak.

Sementelahan pula penemuan terbaru lapangan minyak dan gas di Limbayong di luar pantai Sabah menjanjikan hasil pengeluaran minyak dan gas yang mampu meningkatkan hasil pendapatan negeri Sabah.

Dengan masa depan peningkatan dalam industri ini di Sabah memberikan peluang kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) membangunkan pendidikan dan kemahiran yang diperlukan bagi menyokong industri ini.

UMS menerusi Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) memulakan perancangan pada tahun 2009 dengan menawarkan pengajian Ijazah Sarjana Kejuruteraan dalam bidang minyak dan gas dengan mod pengajian kerja kursus menerusi pengambilan pelajar pertama pada pertengahan tahun 2011.

Kursus yang dijalankan ini adalah yang pertama seumpamanya ditawarkan di Malaysia dan menunjukkan keupayaan UMS membekalkan tenaga mahir dan berilmu dalam industri minyak dan gas.

Pada pengambilan sesi September 2014 nanti, UMS turut menawarkan ijazah kepada pelajar prasiswazah dalam bidang kejuruteraan minyak dan gas yang mengangkat martabat UMS sebagai institusi pendidikan berpotensi yang menghasilkan graduan yang berkemahiran khas dalam bidang ini.

Selain daripada itu, SKTM turut memperkenalkan 10 program diploma kejuruteraan dalam bidang proses, instrumentasi, mekanikal, elektrik dan kejuruteraan gunaan dengan lima daripadanya akan ditawarkan program diploma eksekutif dan 5 lagi adalah diploma.

Tekad SKTM adalah menawarkan lebih banyak lagi program akademik yang berkaitan dengan minyak dan gas bagi menyokong permintaan tenaga kerja mahir dalam industri ini yang dianggarkan purata sebanyak 16 ribu tempat yang diperlukan di seluruh Malaysia.

Menerusi pengalaman dan sumber yang diperoleh menerusi program akademik dalam bidang minyak dan gas sejak lima tahun lepas, UMS turut menawarkan kemahiran membangukan potensi keperluan pasaran dalam industri ini.

Justeru itu, pengurusan tertinggi universiti telah membuat kunjungan hormat ke Timor-Leste pada hujung bulan Januari 2014 lalu bagi membincangkan pembangunan sumber manusia di negara tersebut bersama dengan pengurusan tertinggi Timor-Leste dan menawarkan kepakaran yang ada di UMS.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai simpanan gas yang banyak di laut Timur dan ingin memajukan lagi industri ini, Timor-Leste memerlukan tenaga mahir dalam disiplin kejuruteraan yang berkait dengan industri minyak dan gas untuk beberapa tahun yang akan datang.

Untuk menjelmakan keperluan tersebut, UMS akan membantu menyediakan tenaga kerja yang bukan sahaja mahir dan berkepakaran, bahkan berilmu dalam bidang ini menerusi kelayakan diploma, prasiswazah dan pascasiswazah dalam membantu Timor-Leste.

Oleh itu, kerjasama antara UMS dan Kementerian Petroleum dan Sumber Mineral Timor-Leste berupaya memenuhi keperluan kritikal dalam menyediakan tenaga kerja bermula daripada pekerja teknikal di lapangan sehinggalah pentadbir kanan di tahap pengurusan tertinggi dengan menyediakan dan menyelaras skim latihan akademik dalam bidang minyak dan gas di Timor-Leste.



PENERANGAN...Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Kay Rala Xanana Gusmao memberi penerangan kepada rombongan delegasi UMS semasa kunjungan hormat ke Timor Leste baru-baru ini.



BERI LATIHAN...Gusmao dan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak menyaksikan MoU UMS-Timor Leste yang akan membolehkan UMS memberikan latihan secara formal kepada Timor Leste dalam meningkatkan industri minyak dan gas di negara berkenaan.